

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**  
**[ STAMPIN ]**  
**TARIKH : 29 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan serta servis di Hospital Umum Kuching Sarawak, serta peralatan dan servis yang mereka bekalkan. Senaraikan jumlah pembelian ataupun pembayaran kepada syarikat yang disenaraikan dari tahun 2000 sehingga sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan rekod perolehan bagi enam tahun yang lepas iaitu daripada tahun 2008 sehingga pertengahan tahun 2014, terdapat 72 buah syarikat yang membekalkan peralatan di Hospital Umum Sarawak dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM42.13 Juta. Di antara peralatan yang dibekalkan ialah seperti peralatan teknologi maklumat (ICT), *ventilator*, *incubator*, mesin haemodialisis, pelbagai jenis *scope*, peralatan makmal dan perabot. Rekod perolehan bagi tahun 2000 hingga tahun 2007 telah dilupuskan.